

Kementerian tambah 200 tempat pengajian perubatan

Oleh Noor Azlina Zainudin

KEMENTERIAN Pengajian Tinggi akan menambah 200 tempat bagi mengikuti pengajian perubatan di sembilan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang menawarkan program itu sebagai langkah menyelesaikan masalah kekurangan doktor di negara ini, mulai tahun depan.

IPTA terbabit ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr Adham Baba, berkata penambahan kapasiti itu dijangka dilakukan setiap tahun



Dr Adham Baba

bagi membolehkan IPTA terbabit menambah jumlah pengambilan pelajar perubatan tanpa membabitkan penubuhan fakulti baru.

Bagaimanapun, katanya, penambahan jumlah pengambilan pelajar perubatan itu masih belum dapat

menampung kekurangan doktor serta memberi peluang semua pelajar yang benar-benar berkelayakan mendapat tempat melanjutkan pengajian dalam bidang berkenaan.

“Masalah kekurangan doktor di negara ini semakin mendesak dengan realitinya terdapat 2,500 kekosongan direkodkan untuk jawatan itu dalam sektor kerajaan.

“Dianggarkan negara sekarang kekurangan 5,000 jururawat, doktor (3,300), pakar perubatan (700), ahli farmasi (600) dan doktor gigi (500),” katanya ketika melancarkan program Sarjana Muda Perubatan di Kolej Universiti Antarabangsa Sedaya (UCSI) di Cheras, kelmarin.

Hadir sama, Presiden dan Naib Canselor UCSI, Peter Ng; Pengerusi Dewan Universiti UCSI, Datuk Mohd Karim Abdullah Omar; Pendaftar dan Pengarah Penguatkuasaan, Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pengajian Tinggi, Dr Arif Kassim dan Dekan Sekolah Perubatan, Farmasi

dan Kejururawatan UCSI, Prof Datuk Dr Mohd Roslani Abdul Majid.

Dr Adham berkata, kementerian sentiasa mencari dan bersedia memberi peluang institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang mampu mengendalikan program perubatan, seterusnya menjadi pembekal graduan dalam bidang berkenaan.

Selain UCSI yang akan memulakan program perubatannya tahun depan, beliau berkata, pihaknya juga menerima permohonan daripada IPTS bertaraf universiti yang lain untuk menawarkan program perubatan sama ada dikendalikan sendiri atau secara kerjasama dengan universiti luar negara.

Bagaimanapun, katanya, permohonan itu masih diteliti kerana kementerian perlu mengkaji pelbagai aspek termasuk lokasi, kemudahan, kesesuaian dan keupayaan IPTS terbabit mengendalikan program perubatan bagi memastikan kualiti doktor bakal dikeluarkan.

IPTS lain yang kini menawarkan program perubatan ialah Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU), Alliance College of Medical Sciences (ACMS), Kolej Perubatan Manipal Melaka, Kolej Perubatan Pulau Pinang, Kolej Perubatan Perak serta Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asean (AIMST).

Sementara itu, Peter berkata, seramai 50 pelajar akan menjadi kumpulan perintis program perubatan UCSI yang dijalankan selama lima tahun, mulai April tahun depan.

Katanya, program sepenuh masa itu dibahagikan dua bahagian iaitu fasa pertama membabitkan pembelajaran asas sains perubatan tahun pertama dan kedua di kampus UCSI di Taman Connaught, Cheras.

“Manakala fasa kedua, pelajar akan dihantar mengikuti latihan klinikal di Hospital Kuala Terengganu, hospital daerah dan pusat kesihatan di Terengganu selama tiga tahun,” katanya.